

Bil. S 26

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2022/2023) (BIL. 1), 2024**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2022) bertarikh 29 haribulan Ogos 2022 telah mengisyiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion, enam ratus dan empat puluh juta ringgit (\$4,640,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2022/2023), 2022 (Akta 1 tahun 2022).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan puluh empat juta, satu ratus lapan puluh lima ribu dan dua ratus lima puluh tujuh ringgit (\$94,185,257.00).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2022/2023) (Bil. 1), 2024.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2022/2023 dan peruntukan**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan puluh empat juta, satu ratus lapan puluh lima ribu dan dua ratus lima puluh tujuh ringgit (\$94,185,257.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2022/2023, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperlukan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2022/2023), 2022 (Akta 1 tahun 2022), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

**JADUAL**

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b>		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$7,821,500.00
<b>KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI</b>		
SD09A	Perkhidmatan Rampaihan	\$60,000,000.00
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>		
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$1,129,736.00
SE10A	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	\$1,318,896.00
<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>		
SF03A	Universiti Islam Sultan Sharif Ali	\$428,738.00
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>		
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$1,031,840.00
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>		
SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$5,000,000.00

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

SM01A	Kementerian Kesihatan	\$16,140,230.00
-------	-----------------------	-----------------

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

SN05A	Jabatan Pengangkutan Darat	\$1,041,072.00
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$273,245.00

---

\$94,185,257.00
-----------------

---

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1445 bersamaan dengan 3 haribulan Januari, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**